

SULIT



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2013/2014**

NAMA KURSUS	:	KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
KOD KURSUS	:	BBP 20202
PROGRAM	:	2BBA, 2BBB, 2BBC, 2BBD, 2BBE, 2BBF dan 2BBG
TARIKH PEPERIKSAAN	:	JUN 2014
MASA	:	2 JAM
ARAHAN	:	JAWAB EMPAT (4) SOALAN SAHAJA

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG LIMA (5) MUKA SURAT

SULIT

- S1**

 - (a) Senaraikan **tiga (3)** akta-akta berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang masih digunakan di Malaysia. (3 markah)
 - (b) Nyatakan **empat (4)** tujuan utama Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Akta 514) yang diwartakan pada tahun 1994. (8 markah)
 - (c) Huraikan program-program yang dijalankan dan berikan **dua (2)** objektif utama penubuhan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH). (14 markah)

S2

 - (a) Nyatakan apakah yang dimaksudkan dengan *Hazard Identification, Risk Assessment and Risk Control (HIRARC)*. (3 markah)
 - (b) Terangkan kepentingan **lima (5)** langkah dalam proses pengurusan risiko. (10 markah)
 - (c) Rajah **S2(C)** menunjukkan *HIRARC Form* yang digunakan untuk makmal di Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional. Sebagai seorang penyelia Makmal Pemesinan, Acuan dan Tuangan sebagai contoh, lakarkan dan isikan bermula dari tarikh sehingga keseluruhan maklumat perlu borang tersebut dalam buku jawapan untuk kerja-kerja pengendalian mesin larik. (12 markah)

PEPERIKSAAN AKHIR

SEMESTER/SESI: SEM 2 2013/2014

NAMA KURSUS : KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

PROGRAM : SMPV

KOD KURSUS: BBP20202

HIRAC Report

Risk, Health and Safety



This form relates to OHS Procedure – Hazard Identification, Risk Assessment and Control (HIRAC)

Date: _____

Plant, Building, Task, Activity, Item

Description: _____

Campus: _____ Faculty / Section: _____

HIRAC
conducted
by _____

HAZARD DESCRIPTION	RISK ASSESSED	CONTROL MEASURE(S)	WHO / WHEN	DATE COMPLETED

RAJAH S2(C)

- S3 (a) Senarai dan terangkan **tiga (3)** jenis kecederaan fizikal yang disebabkan oleh kerja- kerja kejuruteraan. (6 markah)
- (b) Kecederaan dan kemalangan di tempat kerja akan menyebabkan kerugian wang ringgit dan peningkatan kos sesebuah organisasi. Beri dan terangkan satu contoh situasi kemalangan di tempat kerja dan perkaitan dengan kos-kos yang terlibat. (8 markah)
- (c) Kemalangan di tempat kerja boleh terjadi akibat dari sifat – sifat berikut :
i. sikap mementingkan diri
ii. meremehkan insiden nyaris
iii. salah dan betul
Terangkan secara ringkas kenyataan tersebut. (11 markah)
- S4 (a) Senarai empat jenis bahaya di tempat kerja yang perlu anda tahu demi kesihatan dan keselamatan di tempat kerja. (4 markah)
- (b) Semasa bertugas mengendalikan bahan-bahan kimia di tempat kerja. Huraikan langkah-langkah keselamatan secara berperingkat-peringkat yang anda harus ambil untuk menjaga kesihatan seluruh warga pekerja di tempat tersebut. (9 markah)
- (c) Nyatakan **tiga (3)** perkara yang didapati oleh Lord Roben yang menjadi penyebab kepada bilangan kemalangan masih tinggi walaupun terdapat banyak akta dan peraturan yang telah diwartakan untuk mengawal keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. (11 markah)

- S5** (a) Senarai dan terangkan jenis-jenis saksi dalam sistem penyiasatan kemalangan pekerjaan. (6 markah)
- (b) Untuk memudahkan kerja penyiasatan kemalangan kita perlulah membuat perancangan penyiasatan yang baik oleh itu bina carta alir kerja penyiasatan kemalangan di sebuah kilang pembuatan biskut. (8 markah)
- (c) Lukis dan terangkan carta alir urutan proses bagi pemberitahuan, penyiasatan dan pelaporan kemalangan yang melibatkan renjatan elektrik di tempat kerja. (11 markah)
- S6** (a) Terangkan apakah yang dimaksudkan dengan 5S. (5 markah)
- (b) Produktiviti suatu pekerja yang terlalu penting dalam sebuah organisasi, banyak juga industri yang tidak mengambil peduli tentang keselamatan dan kesihatan pekerja kerana melibatkan kos yang besar. Berikan komen anda tentang situasi ini? (8 markah)
- (c) Bagaimanakah sebuah kilang dapat mengoptimumkan perolehan syarikat dengan memperkenalkan dan mempromosikan polisi keselamatan dan kesihatan. (12 markah)

-SOALAN TAMAT-